



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

PEKELILING PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2013

Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Negeri
Terengganu.

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN NEGERI TAHUN 2014

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memberi panduan dalam menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri bagi tahun 2014.

SENARIO EKONOMI NEGARA

2. Malaysia telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi iaitu 6.4% pada suku keempat 2012 berbanding 5.3% pada suku ketiga 2012. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Kadar inflasi pula terus menjadi sederhana kepada 1.3% pada suku keempat 2012 (S3 12: 1.4%). Bagi tahun 2012 secara keseluruhan, ekonomi negara telah berkembang sebanyak 5.6%. Melangkah ke hadapan, terdapat tanda-tanda ekonomi global akan menjadi bertambah baik. Permintaan dalam negeri yang kukuh dan persekitaran luaran yang beransur-ansur baik dijangka terus menyokong prospek pertumbuhan ekonomi dalam negara. Namun di sebalik perkembangan yang positif ini, masih ada banyak cabaran struktur dalam ekonomi maju yang boleh mempengaruhi pemulihan ekonomi yang lebih kukuh.

SENARIO SEMASA NEGERI

3. Pada tahun 2012 Kerajaan telah memperolehi hasil RM2.69 bilion iaitu meningkat 16.45% berbanding kutipan RM2.31 bilion pada tahun sebelumnya. Pertambahan ini adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam penerimaan Pemberian Dana Khas iaitu sebanyak 20.51%.
4. Dengan pertambahan hasil dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengawal defisit, kedudukan Akaun Hasil Disatukan (AHD) pada tahun 2012 terus menjadi bertambah baik. Defisit terkumpul dalam AHD yang wujud semenjak tahun 2007 telah dapat dihapuskan sepenuhnya. Pada 31 Disember 2012 AHD berbaki surplus RM59.93 juta berbanding defisit RM233.49 juta pada tahun sebelum.
5. Prestasi hasil dan pemulihan AHD yang memberangsangkan ini secara keseluruhan, juga telah menyebabkan kedudukan Kumpulan Wang Yang Disatukan (KWYD) menjadi bertambah baik. KWYD meningkat daripada RM103.74 juta pada 31 Disember 2011 kepada RM379.30 juta pada 31 Disember 2012.
6. Namun di sebalik perkembangan yang memberangsangkan ini, perbelanjaan mengurus yang besar dan terus meningkat masih menjadi faktor utama yang membataskan jumlah pindahan yang dapat dilakukan daripada AHD kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri (KWPemb) untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Jumlah perbelanjaan mengurus telah meningkat daripada RM2.050 bilion pada tahun 2011 kepada RM2.395 bilion pada tahun 2012. Oleh kerana Kerajaan tidak dapat membuat caruman sepenuhnya kepada KWPemb bagi menampung keseluruhan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM1.009 bilion pada tahun 2012, defisit terkumpul dalam KWPemb telah meningkat daripada defisit RM658.29 juta pada tahun 2011 kepada defisit RM758.10 juta pada 31 Disember 2012.
7. Mengambil kira kedudukan surplus dalam AHD dan defisit dalam KWPemb, defisit terkumpul keseluruhan telah menurun sebanyak RM193.62 juta atau 21.71% iaitu daripada RM891.78 juta pada 31 Disember 2011 kepada RM698.16 juta pada 31 Disember 2012. Namun jumlah defisit ini masih besar kerana menyamai 25.97% daripada hasil sebenar tahun 2012. Oleh itu Kerajaan akan meneruskan usaha untuk mengurangkan defisit bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Kerajaan akan mengamalkan disiplin fiskal yang tegas dalam pengurusan kewangan, khususnya dalam perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan tahunan jabatan dan agensi. Pengurusan fiskal yang berhemat dipertingkatkan melalui perbelanjaan yang cekap dan produktif serta berintegriti.

DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2014

8. Falsafah induk negeri dan negara yang mendahulukan kepentingan rakyat dan mengutamakan pencapaian menjadi asas kepada penyediaan cadangan perbelanjaan. Dasar dan inisiatif utama yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Program Tránsformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Inisiatif Pembaharuan Strategik, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy - NBOS*) perlu dijadikan panduan semasa jabatan dan agensi merangka perancangan perbelanjaan selaras dengan fungsi dan objektif masing-masing.

9. Cadangan Belanjawan mestilah menepati dasar sedia ada ataupun dasar yang diubahsuai dan mengambilkira hala tuju pembangunan negeri, Bidang Keberhasilan Utama Negeri, Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas yang telah digubal. Bagi mengelak pertindihan program dan projek, penyelarasan dengan perancangan di bawah RMKe-10 dan ECER hendaklah dibuat.

10. Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit. Langkah-langkah memperkukuhkan kedudukan kewangan melalui pengurusan fiskal berdisiplin dan berhemat perlu diberi penekanan utama. Ini bagi memastikan kedudukan kewangan negeri terus berdaya saing dan berdaya tahan. Di antara langkah ini ialah melaksanakan kawalan dalaman yang lebih berdisiplin, pemotongan peruntukan, pengurangan perbelanjaan, meningkatkan hasil dan mengurangkan tunggakan hasil. Pegawai Pengawal hendaklah melaksanakan langkah berjimat cermat dengan dimulakan di peringkat perancangan, mengurangkan perbelanjaan kepada tahap sebenar dan optimum dan membuat penilaian bagi mencapai tahap keberkesanan kos (*cost effective*) dengan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Kaedah pengurusan nilai (*value management*) perlu diterapkan dalam pengurusan projek/program bermula dari peringkat awal lagi bagi mencapai *value for money*.

11. Pegawai Pengawal diminta mengambil langkah-langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan (*outcome*) dalam melaksanakan sesuatu program/aktiviti. Oleh itu dalam merancang dan melaksanakan sesuatu program atau aktiviti penekanan hendaklah diberikan kepada impak dan keberkesanan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan output supaya menepati konsep Bajet Berasaskan *Outcome* (*Outcome Based Budgeting - OBB*).

12. Pegawai Pengawal hendaklah memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang benar-benar penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan rakyat serta pada masa yang sama mengelakkan berlakunya pembaziran. Semua perancangan dan pelaksanaan program dan projek hendaklah yang benar-benar perlu sahaja, yang merupakan

tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri dan mampu memberi impak langsung serta maksimum kepada rakyat.

13. Kerajaan menetapkan strategi belanjawan negeri antara lain adalah sebagaimana berikut:-

- i. Mengurangkan defisit
- ii. Melaksanakan dasar perbelanjaan berhemat dan berjimat cermat
- iii. Memantapkan hasil kerajaan dengan mempelbagaikan sumber hasil negeri dan mengurangkan tunggakan hasil
- iv. Menjamin kesejahteraan rakyat
- v. Membangunkan modal insan berkualiti
- vi. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam
- vii. Meneruskan aktiviti pembangunan sebagai penjana utama ekonomi negeri
- viii. Meningkatkan usaha menarik sektor swasta mengambil bahagian aktif dalam pembangunan negeri.
- ix. Menerokai sektor baru bagi menjana pertumbuhan yang lebih mapan
- x. Memperkukuhkan daya saing dan daya tahan negeri

PENYEDIAAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2014

14. Bagi mencapai matlamat untuk mengurus defisit secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berasaskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memberi *value for money*, Pegawai Pengawal hendaklah mengamalkan pengurusan fiskal berhemat dengan melaksanakan aktiviti dan program secara cekap, ekonomik dan berkesan. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian dalam menyediakan cadangan perbelanjaan:-

- i. Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa bagi mengawal perbelanjaan awam seperti Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil. 7 Tahun 2008 dan Bil. 9 Tahun 2008;

- ii. Menilai, mengubahsuai dan menyusun semula program/projek berdasarkan keutamaan semasa Kerajaan, menghentikan program/projek yang didapati tidak lagi sesuai dan mengelakkan pertindihan program/projek atau fungsi sama ada di dalam jabatan/agensi mahupun di antara jabatan/agensi;
- iii. Menyusun semula keutamaan perbelanjaan dengan tumpuan kepada program/aktiviti/projek yang dapat memberi impak segera dan langsung kepada rakyat serta mencapai tujuan jabatan/agensi;
- iv. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak;
- v. Menyediakan peruntukan emolumen secukupnya termasuk bagi pegawai/kakitangan khidmat singkat/kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
- vi. Memberi penekanan kepada penjimatan dalam penggunaan utiliti dan pelaksanaan aktiviti dan program yang tidak kos efektif. Penganjuran majlis-majlis rasmi/seminar/pameran/kursus hendaklah dihadkan kepada yang perlu sahaja dan dibuat secara sederhana serta perjalanan/lawatan ke luar negara dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja dan pada kos yang berpatutan;
- vii. Mengambilkira penyelenggaraan aset termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan serta implikasi kewangan lain yang menjurus kepada perbelanjaan berulang (belanja pengurusan) selepas sesuatu program/projek siap; dan
- viii. Mengambilkira faktor kewangan dan keupayaan untuk melaksana program dan aktiviti oleh jabatan/agensi.

15. Penyediaan Anggaran Belanjawan Tahun 2014 hendaklah dibuat melalui talian terus dengan menggunakan Modul Bajet dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Standad Negeri (SPEKS).

Anggaran Hasil Tahun 2014

16. **Pegawai Pemungut hendaklah menyediakan Anggaran Hasil Tahun 2014.** Jumlah anggaran hasil hendaklah seboleh-bolehnya tepat dan sebenarnya boleh dikutip. Untuk tujuan ini cadangan hasil boleh disediakan dengan mengambilkira rekod prestasi kutipan hasil yang lepas, perubahan dasar atau peraturan atau kadar dan kemampuan mengutip tunggakan hasil.

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014

17. Kaedah Batas Perbelanjaan (Expenditure Target – ET) yang diluluskan dalam Belanjawan 2013 bagi setiap jabatan adalah digunakan bagi Belanjawan 2014 tetapi akan disemak semula dalam usaha mengurangkan perbelanjaan dan defisit kerajaan di samping memastikan aktiviti dalam ekonomi berterusan.

18. Oleh itu keperluan tambahan peruntukan bagi menampung kenaikan emolumen dan keperluan yang lain hendaklah diambil daripada penyelarasan semula peruntukan OSOL yang lain atau penjimatan melalui pemansuhan atau pengecilan skop program/aktiviti sedia ada. Dalam hubungan ini Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah-langkah perlu seperti melaksanakan penjimatan, menyusun semula program mengikut keutamaan atau menangguhkan program/aktiviti yang tidak kritikal bagi melaksanakan program/aktiviti penting lain berdasarkan kepada had cadangan perbelanjaan yang ada.

19. Peruntukan emolumen tidak perlu disediakan bagi jawatan yang baru dipohon atau jawatan kosong yang belum pasti pengisiannya.

20. Cadangan pembelian harta-harta modal di bawah OSOL 35000 iaitu alat kelengkapan pejabat, perabot danengkapan yang lain, serta OSOL 34000 iaitu kenderaan dan jentera, hendaklah dibuat dalam keadaan yang amat perlu dan dijelaskan secara terperinci mengapa pembelian tersebut perlu juga dilakukan.

21. Pembelian kenderaan hanya akan dipertimbangkan kepada jabatan yang telah selesai melupuskan kenderaan lama. Jabatan teknikal yang melupuskan jentera dan bagi memastikan gerak kerja pembangunan tidak tergendala boleh mengemukakan permohonan dengan syarat permohonan berkenaan sebagai gantian kepada kenderaan yang telah rosak dan penggunaannya tidak lagi ekonomik. Amalan memasukkan anggaran aset dan keperluan lawatan dalam vot Pembangunan hendaklah dihentikan. Keperluan ini akan dinilai secara berasingan atas dasar kes demi kes.

22. Semua cadangan peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* hendaklah dimasukkan ke dalam permohonan cadangan belanjawan. Program atau aktiviti baru ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)/Jawatankuasa Tertinggi Negeri terlebih dahulu sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan Negeri. Penjelasan/justifikasi lengkap hendaklah dikemukakan menggunakan format di Lampiran A berkembar. Setiap program perlu ada ringkasan program, objektif, sasaran penggunaannya dan impak kepada golongan sasaran. Justifikasi adalah termasuk kelulusan MMKN atau keputusan-keputusan lain oleh Kerajaan.

23. Semua penghantaran penjelasan/justifikasi termasuk peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* hendaklah dikemukakan secara e-mel kepada alamat bajet14@terengganu.gov.my. Semua penghantaran e-mel ini hendaklah menggunakan alamat e-mel rasmi jabatan.

Perbelanjaan Pembangunan

24. Mengambil kira kemampuan sebenar dan usaha untuk menguruskan defisit secara lebih berkesan, siling bagi peruntukan pembangunan 2014 adalah dihadkan kepada RM700 juta sahaja.

25. Penyediaan Belanjawan Pembangunan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri yang bertanggungjawab menimbang, menyelaraskan dan meluluskan cadangan projek-projek pembangunan. Peruntukan yang dipohon hendaklah diselaraskan agar tidak bertindih dengan agensi Persekutuan ataupun perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang Amanah yang telah ditentukan.

26. Cadangan projek pembangunan hendaklah selari dengan dasar semasa Kerajaan Negeri dan **hendaklah memberi keutamaan kepada projek-projek yang telah komited dan yang memerlukan kerja sambungan bagi menyiapkan projek-projek berkenaan**. Jabatan-jabatan yang mengendalikan projek hendaklah memastikan bahawa hanya projek berimpak tinggi dengan faedahnya terus kepada rakyat dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi diberi keutamaan.

Perjawatan

27. Pegawai Pengawal hendaklah lebih kreatif dan berinovasi dalam menguruskan sumber manusia. Dalam hubungan ini pendekatan NBOS perlu digunakan dalam semua urusan perjawatan dalam perkhidmatan awam. Penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan yang dilakukan hendaklah ke arah mengoptimalkan penggunaan sumber sedia ada supaya dapat mengurangkan (*reduce*) kos pengurusan kerana perbelanjaan emolument. Oleh itu kaedah penempatan semula (*redeployment*) dan tukar ganti (*trade-off*) perjawatan sedia ada hendaklah dilaksanakan samada menggunakan sumber dalaman jabatan ataupun antara jabatan/agensi (*cross agency*). Penyusunan semula struktur dibuat ke arah mewujudkan (*create*) struktur organisasi yang lebih fleksibel, memantapkan organisasi dan menjadikan ia lebih fokus kepada fungsi teras agensi. Perkhidmatan-perkhidmatan bukan teras pula dikenal pasti untuk dialih daya atau dihapuskan (*eliminate*). Melalui tindakan mengukuhkan perjawatan, agensi boleh menyusun fungsi perkhidmatan bagi mengelak pertindihan. Proses kerja pula perlu direkayasa dan dipertingkatkan (*raise*) supaya dapat meningkatkan produktiviti dan peringkat kerja yang tidak relevan dihapuskan (*eliminate*).

PENYAMPAIAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2014

28. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Cadangan Belanjawan Mengurus 2014 kepada Perbendaharaan Negeri **sebelum 15 Mei 2013** untuk Justifikasi Bagi Peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* dan **31 Mei 2013** bagi Belanjawan oleh PTJ. Bagi memastikan kelancaran proses selanjutnya dalam penyediaan belanjawan dan supaya belanjawan ini dapat disediakan untuk pembentangan dan pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri di dalam tempoh yang telah ditetapkan, **akses kepada Modul Bajet dalam sistem SPEKS bagi tujuan kemasukan data Bajet 2014 akan disekat secara automatik oleh sistem selepas tarikh tersebut. Oleh itu Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Cadangan Belanjawan 2014 dikemukakan dengan lengkap sebelum tarikh tersebut bagi mengelakkan kesulitan. Jabatan/Agensi yang tidak mematuhi arahan ini akan menghadapi risiko bajet mereka tidak dipertimbangkan atau diberi bajet menurut budi bicara Perbendaharaan.**

PERKARA – PERKARA LAIN

29. Di dalam proses penyediaan belanjawan, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap teguran audit yang dibangkitkan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran tersebut serta syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri bagi membolehkan usaha penambahbaikan berserta langkah penjimatan dilaksanakan yang dapat membantu penyediaan permohonan belanjawan yang lebih berhemah.

30. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan rapi dan teliti bagi mengelakkan keperluan peruntukan tambahan. Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan cadangan belanjawan mengikut arahan dan peraturan serta dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN “
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)

Pegawai Kewangan Negeri

Terengganu.

10 April 2013

s.k. :

Y.B Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Semua Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Negeri

- Dimohon YB Dato'/Tuan menyelaraskan penyediaan belanjawan bagi portfolio masing-masing

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB. Menteri Besar Terengganu.

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu.

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri Terengganu

Bendahari Negeri Terengganu

Unit SPEKS Perbendaharaan Negeri Terengganu

FORMAT JUSTIFIKASI BAJET TAHUN 2014

Jabatan : Maksud Bekalan : B

PTJ :

Kod Aktiviti	Objek Sebagai	Objek Lanjut	Bajet 2013 (RM)	Bajet 2014 (RM)	Beza (RM)	% Beza

- i. Nama dan Ringkasan Program/ Aktiviti
- ii. Objektif
- iii. Sasaran penggunaannya dan impak kepada golongan sasaran
- iv. Sebab-sebab melebihi batas